

KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA (National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org / nutphq@gmail.com Laman Web: <http://www.nutp.org>

f : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

Presiden

Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak

Setiausaha Agung

Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK

KENYATAAN AKHBAR

**Kepada : Ketua Pengarang
Semua Akhbar dan Media Tempatan**

**Daripada : Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK
Setiausaha Agung
NUTP**

Telefon Bimbit : 0126358065

Tarikh : 24 Mei 2018

GURU-GURU MALAYSIA PERLU 'FACE TIME' BERSAMA MURID


Susulan kenyataan akhbar NUTP mengenai 'Kerja Bodoh': Isu Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) yang bertarikh 23 Mei 2018, NUTP telah menerima ucapan tahniah dan mohon agar isu SKPMg2 ini dapat dimansuhkan.

Pihak NUTP juga turut dihujani pelbagai pertanyaan melalui panggilan telefon tanpa henti, khidmat pesan ringkat (SMS) serta aplikasi *WhatsApp* apabila kenyataan akhbar tersebut dimuat turun di media sosial iaitu 'Facebook' dan 'Instagram'.

Sehingga jam 3.30 petang, pihak NUTP mendapati kenyataan akhbar tersebut telah mendapat *hits* sebanyak 277,128 ribu. Pada pandangan NUTP, isu ini merupakan isu yang sangat serius kerana melibatkan pelbagai lapisan masyarakat.

Oleh itu, pihak NUTP merayu agar Kerajaan Pakatan Harapan mengkaji semula SKPMg2 demi profesion pendidikan di Malaysia. Selain dari isu tersebut terdapat beberapa isu yang melanda sistem pendidikan Malaysia pada masa kini antaranya ialah:

.../2/



KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA (National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org / nutphq@gmail.com Laman Web: <http://www.nutp.org>

f : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

Presiden

Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak

Sefiausaha Agung

Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK

-2-

ISU PROFESIONAL

1.	Isu SKPMg2	16.	Guru dibebani kerja perkeranian
2.	Dasar TVET Negara	17.	Isu Sekolah Rancangan Khas
3.	Penyuraian IPG	18.	Masalah Sekolah Agama
4.	Kod Etika Ibu Bapa dan Penjaga	19.	Isu Sekolah Amanah
5.	Isu Kolej Vokasional	20.	Isu Sekolah Kluster
6.	Isu Kolej Komuniti	21.	Isu Sekolah Berprestasi Tinggi
7.	Isu Politeknik & Kolej Matrikulasi	22.	Isu Sekolah Wawasan
8.	Isu Disiplin Murid Sekolah	23.	Isu PPSMI/DLP
9.	Penambahbaikan PBPPP	24.	SK sepatutnya menjadi ekolah tumpuan
10.	Isu Beg Berat	25.	Kaji semula subjek bagi sekolah rendah
11.	Isu SJK(C)	26.	VLE FROG
12.	Isu SJK(T)	27.	PBS
13.	Isu Sekolah Sukan	28.	SAPS
14.	Isu Sekolah Mubaligh	29.	I-Think
15.	Isu Dialog Prestasi	30.	Kedudukan dalam keputusan PISA

ISU PERKHIDMATAN

31.	Pertukaran Guru Duka Lara	36.	Isu lantikan SISC+ dan SIP+
32.	Isu Lantikan 2 Status	37.	Isu Masalah Guru-Guru Agama
33.	Kekurangan Guru Bahasa Inggeris	38.	Isu IProBl
34.	Isu Pembantu Guru	39.	Mengajar Mengikut Opsyen/Kepakaran
35.	Kekurangan Guru Ganti	40.	Isu Master dan PhD

ISU KESELAMATAN

41.	Tiada 'Chargeman' di KV	42.	Isu Keselamatan dan Kesihatan di sekolah
-----	-------------------------	-----	--

ISU INFRASTRUKTUR

43.	Isu Pemasangan CCTV di Bilik Guru	47.	Aktiviti Kokurikulum dijalankan dan cukup alatan
44.	Tiada Pondok Pengawal	48.	Pelaksanaan PdP di bilik di darjah
45.	Sekolah tanpa pagar	49.	Capaian Jalur lebar terlalu perlahan
46.	Kekurangan komputer di sekolah	50.	Kekurangan penyelenggaraan

.../3/



KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA (National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org / nutphq@gmail.com Laman Web: <http://www.nutp.org>

f : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

Presiden

Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak

Setiausaha Agung

Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK

-3-

Berdasarkan isu-isu tersebut bukan merupakan isu baharu tetapi telah wujud sejak sekian lama dalam sektor pendidikan sehingga menjadi bahan politik dan ada diantaranya dimasukkan dalam manifesto parti-parti politik. NUTP amat mengharapkan agar isu-isu ini dapat dilihat semula supaya tiada isu berbangkit yang boleh memberi tekanan kepada warga pendidik di Malaysia.

NUTP merayu agar Kerajaan Pakatan Harapan dapat menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet bagi menangani masalah/isu yang dihadapi oleh sistem pendidikan Negara Malaysia. Selain itu juga didapati :

- a) Jika berdasarkan kenyataan media Kementerian Pendidikan Malaysia didapati Malaysia tidak tersenarai dalam keputusan PISA 2015. Ini kerana penguasaan Bahasa Inggeris dan Matematik lemah dikalangan murid.**
- b) Pelajar-pelajar perlu dilatih balik oleh sektor industri walhal mereka sepatutnya sudah bersedia untuk mula bekerja dengan tunjuk ajar yang minima**
- c) Hubungan perpaduan kaum juga semakin renggang**
- d) Dasar yang bertukar dan bertokok tambah**

NUTP amat berharap agar isu-isu ini dapat dilihat semula dan suatu penyelesaian menyeluruh serta konkrit dapat dilakukan demi menjamin kelangsungan sistem pendidikan di Malaysia dan menjadikan sistem pendidikan lebih relevan kerana sektor pendidikan diberi peruntukan dalam bajet 2018 dengan jumlah yang besar iaitu RM61.6 bilion.

NUTP juga berharap Kerajaan Pakatan Harapan dapat memberi jaminan dan keyakinan serta dapat merealisasikan beberapa perkara dalam sistem pendidikan Negara antaranya ialah :

.../4/



KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA
(National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org / nutphq@gmail.com Laman Web: <http://www.nutp.org>

f : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

Presiden

Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak

Setiausaha Agung

Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK

-4-

- a) Keyakinan bahawa guru-guru dapat pembelaan dalam menangani masalah disiplin di sekolah;
- b) Keyakinan bahawa peluang kenaikan pangkat dilaksanakan secara adil berdasarkan meritokrasi dan bukan kroni atau perkauman;
- c) Keyakinan bahawa sekolah dapat melahirkan modal insan yang berkualiti berdasarkan minat dan kecenderungan murid bagi memenuhi pasaran kerja semasa.
- d) Keyakinan bahawa guru dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap PdP di dalam bilik darjah tanpa dibebani tugas perkeranian.


(HARRY TAN HUAT HOCK, PJK)
SETIAUSAHA AGUNG
NUTP

